

**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**PADA**  
**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**  
**MOT, JABATAN DAN AGENSI**

**12 APRIL 2016 | DEWAN SRI SIANTAN, PUTRAJAYA**

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

**YB Datuk Ab Aziz bin Kaprawi**

Timbalan Menteri Pengangkutan

**YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kasim**

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

**YBhg. Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

**YBhg. Dato' Chua Kok Ching**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian

Setiausaha-setiausaha bahagian

Tuan-tuan dan puan-puan

Warga MOT, Jabatan dan Agensi sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

## **PENDAHULUAN**

1. Pertamanya, saya amat gembira dan berbesar hati kerana dapat bersama-sama dengan warga MOT dan Jabatan serta agensi di bawah kementerian bersama-sama meraikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pengangkutan (APC) bagi tahun 2015 serta Majlis Perhimpunan Bulanan 1MOT bagi bulan April 2016 pada pagi ini.
2. Sememangnya, hari ini merupakan hari yang penuh bermakna dan istimewa buat kita semua kerana kita memberikan penghargaan dan juga pengiktirafan kepada Warga MOT, Jabatan dan Agensi yang telah menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang dan professional dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas di Kementerian dan agensi masing-masing.
3. Untuk itu, saya mengambil kesempatan ini untuk terlebih dahulu mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima APC bagi tahun 2015 pada hari ini. Sesungguhnya, anugerah ini membuktikan bahawa tuan-tuan dan puan-puan merupakan aset yang amat bernilai kepada Kementerian Pengangkutan dalam memastikan kejayaan berterusan kita di masa-masa akan datang.
4. Di samping itu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia serta semua ahli jawatankuasa Majlis APC 2015 kerana telah berjaya menganjurkan majlis yang meriah pada pagi ini.
5. Apa yang menarik tentang APC pada kali ini adalah, buat julung kalinya, penganjuran Majlis APC MOT 2015 kali ini dilaksanakan secara bersepadu antara Kementerian dan Jabatan / Agensi di bawahnya yang berada di sekitar Lembah Klang iaitu:

- a. Kementerian Pengangkutan (MOT);
  - b. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
  - c. Jabatan Penerbangan Awam (DCA);
  - d. Jabatan Laut Malaysia (JLM);
  - e. Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR);
  - f. Lembaga Pelabuhan Klang (LPK);
  - g. Perbadanan Aset Keretapi (RAC);
  - h. Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ);
  - i. Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn); dan
  - j. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)
6. Manakala penganjuran Majlis APC di lokasi selain Lembah Kelang turut dilaksanakan secara bersepadu antara Jabatan/ Agensi di zon/ lokasi yang telah ditetapkan iaitu zon utara, zon timur, zon selatan, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak melibatkan JPJ, JLM dan Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB).

## **MODAL INSAN KUNCI KEJAYAAN ORGANISASI**

Warga MOT sekalian,

7. Modal insan yang berkepakaran tinggi dan mempunyai sikap profesionalisma yang cemerlang merupakan kunci utama kepada kejayaan sesebuah organisasi tidak kira sama ada dalam sektor awam maupun swasta. Menyedari hakikat tersebut, pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan bagi memupuk dan membangun modal insan berkemahiran sebegini.

8. Kerajaan sentiasa mengiktiraf budaya kerja cemerlang, komitmen dan jasa yang diberikan oleh penjawat awam termasuk pemberian anugerah atau ganjaran.
9. Melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini, saya berharap ia akan menjadi motivasi kepada pegawai dan kakitangan untuk terus memberikan komitmen dan mempertingkat daya usaha bagi mencapai produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti tinggi.
10. Ini sekali gus menjadikan perkhidmatan Kerajaan kekal sebagai perkhidmatan yang relevan dan diyakini oleh rakyat. Pengiktirafan sebegini diharapkan akan dapat mewujudkan persekitaran persaingan yang sihat di kalangan pegawai dan kakitangan untuk memperbaiki keupayaan dan kemahiran agar dapat menghasilkan perkhidmatan yang terbaik.

## **PENJAWAT AWAM BERINTEGRITI**

Tuan-tuan dan puan-puan, warga MOT sekalian,

11. Sebagai penjawat awam, samada yang menerima APC pada pagi ini mahupun tidak, kita semua punya tanggungjawab dan amanah yang amat besar dalam memastikan kesejahteraan negara dan rakyat terjamin.
12. Lebih-lebih lagi dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi global yang sedang kita alami, penjawat awam mempunyai peranan yang amat penting dalam memastikan kerajaan dapat berjalan dengan baik dan terus berkhidmat kepada rakyat dan negara.

13. Dalam hal ini, kita semua boleh memainkan peranan dalam menempuh masa-masa sukar sebegini dengan bersama-sama mengurus perbelanjaan kementerian, jabatan dan agensi secara berhemah selaras dengan saranan kerajaan bagi mengoptimumkan perbelanjaan.
14. Meskipun tampak kecil, namun peranan kita ini secara kolektif akan memberi impak positif kepada kedudukan kewangan negara dan seterusnya kerajaan akan dapat melaksanakan semua inisiatif dan program seperti yang dirancang.

Hadirin sekalian,

15. Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan isu penyelewengan yang melibatkan ratusan juta ringgit hasil perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab dan tidak amanah. Lebih malang lagi, ia telah menjaskankan nama baik penjawat sektor awam dengan perbuatan pecah amanah tersebut.
16. Justeru itu, pada awal tahun ini saya telah mengumumkan bahawa 2016 merupakan tahun integriti bagi kementerian pengangkutan, jabatan serta agensi dibawahnya.
17. Bertepatan dengan tema Majlis APC pada pagi ini iaitu ‘Memperkasa integriti Bagi Memacu Kecemerlangan Perkhidmatan’, saya ingin mengingatkan sekali lagi supaya semua warga meletakkan integriti dalam setiap tugas dan amanah yang diberikan kepada kita
18. Integriti perlu dilihat dan dihayati dalam konteks yang lebih luas, bukan sahaja bermakna kita perlu menjauhkan diri dari amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

19. Konsep integriti merangkumi nilai-nilai amanah, jujur, mempunyai sifat-sifat keperibadian yang baik dan sentiasa menghargai serta memelihara kepentingan organisasi dan hak orang awam - kepentingan organisasi, perkhidmatan serta negara hendaklah mengatasi kepentingan diri sendiri;
20. Pegawai yang berintegriti sentiasa berpegang kepada konsep kejujuran. Kita perlu jujur dalam mentadbir dasar, program serta projek Kerajaan, tidak menyembunyikan sebarang maklumat penting yang boleh menjelaskan prestasi Jabatan / Agensi masing-masing dan jujur terhadap pekerjaan kita terutamanya jujur dengan waktu bekerja, waktu rehat dan sebagainya.
21. Dalam menilai perkhidmatan cemerlang seseorang pegawai, aspek integriti perlu dititikberatkan bagi mengelakkan sektor awam dicemari dengan insiden-insiden penjawat awam yang terlibat dengan amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya.
22. Justeru itu, saya berharap agar bahagian pengurusan sumber manusia dengan kerjasama unit integriti mengambil serius perkara ini dan meningkatkan pemantauan serta menyediakan langkah-langkah wajar bagi memastikan perkara seumpama ini tidak berlaku di MOT, Jabatan dan juga agensi dibawahnya.

#### **ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015**

Warga MOT, Jabatan dan Agensi sekalian,

23. Pada pagi ini, saya berasa amat gembira kerana dapat menyampaikan anugerah kepada penjawat awam yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan.
24. APC kali ini melibatkan seramai **423 orang penerima APC** di Kementerian dan Jabatan serta Agensi di sekitar Lembah Klang daripada sejumlah **947 orang penerima secara keseluruhannya** yang akan disempurnakan di zon masing-masing sebelum 30 April 2016.
25. Pada tahun ini juga, seperti tahun lalu, Kementerian bersetuju untuk meneruskan amalan pemberian Sijil Prestasi Cemerlang kepada **8,315** warga kerja MOT, Jabatan dan Agensi yang berjaya mendapat markah LNPT 90% dan ke atas.
26. Kementerian turut mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai Kementerian, Jabatan dan Agensi yang telah berkhidmat melebihi 25 tahun sehingga tahun 2016 seramai **1,083** orang secara keseluruhan.
27. Selain daripada tu, pada tahun ini juga, kita telah memperkenalkan anugerah pekerja contoh yang diberikan kepada Pegawai yang menjalankan tugas dengan penuh komitmen, berdisiplin tinggi, mengamalkan sikap berpasukan atau *team work* dan hasil kerja yang berkualiti.
28. Sesungguhnya penganugerahan ini adalah satu tanda pengiktirafan daripada Kerajaan dan Kementerian Pengangkutan terhadap prestasi cemerlang, sumbangsan dan khidmat bakti yang tuan/ puan berikan. Kesetiaan dan pengorbanan tuan/puan amatlah dihargai oleh Kerajaan dan Negara.

## **PENUTUP**

29. Sebagai penutup, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pegawai dan kakitangan Kementerian, Jabatan dan Agensi yang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 serta lain-lain anugerah yang akan disampaikan pada hari ini.
30. Besar harapan saya agar anugerah sebegini menjadi penyuntik semangat kepada semua warga kementerian, jabatan dan agensi dibawahnya agar dapat meningkatkan usaha bagi memastikan kementerian dapat mencapai kejayaan yang lebih unggul.
31. Terutamanya bagi tahun 2016 ini, pelbagai acara dan program penting bakal kita laksanakan misalnya Audit ICAO yang akan berlangsung awal Mei dan beberapa persidangan peringkat antarabangsa yang berprestij yang akan dilaksanakan dalam tahun ini misalnya *ICAO – World Custom Organization (WCO) Conference On Enhancing Air Cargo Security And Facilitation* yang akan berlangsung dalam bulan Julai pada tahun ini.
32. Dalam pada itu, 2016 merupakan tahun yang amat penting buat kita terutama bagi sektor pengangkutan udara kerana pada tahun ini kita sekali lagi akan bertanding bagi memastikan kerusi majlis ICAO yang kita duduki dapat kita pertahankan dengan undian yang lebih baik.

Warga MOT sekalian,

33. Kita semua maklum akan jangkaan pertumbuhan ekonomi negara yang diunjurkan berada di antara 4 hingga 5 peratus (%) untuk tahun 2016.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengajak semua warga kementerian, jabatan dan agensi untuk sama-sama bekerja keras bagi memastikan ianya dapat di capai.

34. Bagi kementerian pengangkutan khususnya, kita perlu lah bekerjasama dengan erat dengan sektor swasta agar kita bersama-sama dapat memastikan semua projek dapat dilaksanakan tepat pada masa tanpa sebarang kelewatan. Ini penting kerana ianya akan memacu ekonomi negara dan seterusnya dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi meningkatkan produktiviti negara.
35. Ini semua perlu kan kerjasama tidak berbelah bagi semua pihak dalam mempertingkat kecekapan dalam melakukan tugas, membanteras ketirisan, berbelanja secara berhemah serta peningkatan produktiviti selaras dengan fungsi kementerian pengangkutan yang merupakan sebuah kementerian yang menjana ekonomi untuk negara.
36. Justeru itu, komitmen padu daripada semua warga adalah perlu dan begitu penting dalam memastikan apa sahaja yang kita rencanakan akan dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan lancar. Pencapaian dan kejayaan yang cemerlang perlu sentiasa dipertingkatkan, agar dengan kesungguhan berkenaan dapat mendukung usaha Kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.
37. Akhirnya, saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang telah berjaya menganjurkan majlis yang begitu bermakna ini. Juga penghargaan saya kepada semua jawatankuasa yang terlibat samada secara langsung ataupun tidak.

Sekian. Terima kasih.